

Kuala Lumpur: Balai Berita Harian Metro menerima kunjungan maskot Dee Dee yang datang untuk mendapatkan sokongan daripada orang ramai supaya boleh muncul dalam iklan susu GoodDay.

Kehadiran Dee Dee ke Balai berita disambut gembira oleh Timbalan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Ahmad@Salim Bachok dan kakitangan Harian Metro yang tidak melepaskan peluang mengambil gambar bersamanya.

Sebagai tanda sokongan kepada Dee Dee untuk menjadi sebahagian daripada iklan GoodDay, orang ramai boleh melayari Facebook (Vote for Dee Dee) bermula 18 hingga 31 Januari 2016.

Dee Dee memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 undian untuk melayakkannya menjadi sebahagian daripada iklan yang akan dilancarkan GoodDay.

Selain itu, orang ramai berpeluang untuk bertemu Dee Dee dan rakannya di stesen LRT dari Kelana Jaya

Undi Dee Dee muncul iklan susu



MASKOT Dee Dee (dua dari kiri) disambut oleh Ahmad (dua dari kanan), Timbalan Pengarang Kumpulan BH, Datuk Badrulhisham Othman (kiri), Timbalan Pengarang Kumpulan NST, Yushaini Yahaya (tiga dari kanan) dan Pengarang Bersekutu Berita dan Integrasi Media BH, M Thillinadan.

ke KL Sentral, pada 20 Januari ini.

Goodday adalah jenama nombor satu susu segar dipasteur Malaysia dalam seg-

men susu cair dan baru-baru ini GoodDay telah melancarkan wajah baharu mereka, yang mempunyai reka bentuk moden dan lebih kemas.

Produk minuman itu terkenal dengan kesegaran, rasa semula jadi yang hebat dan memberi kebaikan nutrien sebenar.